

Setiap siasatan kes tanpa mengira siapa malah pesalah tak pernah dilindungi

PM: Tuduhan Rais tidak adil

UM 27 MAY 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 26 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah tidak adil untuk menuduh pihak berkuasa bersikap sambil lewa ketika menjalankan siasatan kes-kes pecah amanah yang membabitkan individu atau organisasi yang rapat dengan kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, setiap siasatan dijalankan tanpa mengira siapa malah pesalah tidak pernah dilindungi biarpun mereka daripada kalangan 'orang kerajaan'.

Dr. Mahathir bagaimanapun menyedari setiap kali siasatan membabitkan orang yang rapat dengan kerajaan dilakukan, tanggapan orang ramai ialah mereka mesti dihukum.

"Ini nampak seolah-olah kalau orang itu dekat dengan kerajaan, kita mesti hukum dia tetapi kalau Karpal Singh mesti lepas. Ini pendapat yang tidak sihat.

"Kita tengok berapa kali sudah Karpal Singh didakwa pun terlepas. Kenapa begitu berat sebelah sekali terhadap kerajaan," soalnya.

Mendakwa

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan pegawai pengiringnya, Fazilah Lazim, di Precinct 9 di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kritikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim, terhadap pihak berkuasa yang didakwanya bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' ketika menjalankan siasatan kes-kes pecah amanah yang membabitkan individu atau organisasi tertentu.

Rais mendakwa terdapat beberapa kes yang 'panas' ketika di awal siasatan tetapi akhirnya senyap begitu sahaja walaupun terdapat bukti berlakunya penyelewengan, dan fenomena ini seolah-olah menjadi satu trend dalam beberapa siasatan pecah amanah dalam negara sejak kebelakangan ini.

Kelmarin Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak ada sebarang arahan dikeluarkan kepada mana-mana pihak berkuasa untuk memberhentikan siasatan kes-kes yang disifatkan 'panas' dan mendapat perhatian umum.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, sebarang kes yang dibawa kepada polis atau Badan Pencegah Rasuah (BPR)

■ Lihat muka 4

UM 2 7 MAY 2002

PM: Tuduhan Rais tidak

perlu disiasat dengan teliti dan adil supaya tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap mereka yang terbabit.

Dr. Mahathir seterusnya menjelaskan bukan mudah untuk sesuatu pendakwaan itu dibuat kerana siasatan yang teliti perlu dilakukan.

"Hendak tuduh memang mudah. Dalam

akhbar boleh tuduh... lagi bebas, buat aniaya orang sampai malu.

"Tetapi hendak buat penyelidikan seperti dalam kes PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) bukan mudah," katanya.

Oleh itu Perdana Menteri berpendapat, tidak wajar untuk mengaitkan kerajaan apabila tertuduh dalam kes-kes yang mendapat

liputan meluas itu terlepas daripada hukuman.

"Kalau dia buat salah, salahlah. Kita orang kerajaanpun yang buat salah biasa kena hukum, hukum mati pun ada," katanya.

Ditanya kenapa Rais perlu menimbulkan isu tersebut sedangkan sebagai menteri

adil

beliau sepatutnya maklum mengenai prosedur siasatan dan pendakwaan, Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri tidak tahu asas tindakan itu.

Menurutnya, sehingga kini beliau belum dimaklumkan mengenai fenomena yang berlaku dalam siasatan kes-kes pecah amanah seperti yang didakwa oleh Rais.

Namun Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan perkara itu tidak sempat disampaikan kepadanya memandangkan beliau sudah dua kali tidak menghadiri mesyuarat Kabinet kerana berada di luar negara.